

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 OGOS 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 38

NETR pacu peralihan tenaga negara

NETR pacu peralihan tenaga negara

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
ekonomiutusan@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Peralihan tenaga negara berada dalam landasan yang baik dengan adanya Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), menurut Energy Industries Council (EIC) Asia Pacific.

Pengarah Wilayahnya, Azman Nasir berkata, namun negara masih perlu mengekalkan momentum dengan menarik lebih banyak pelaburan atau dana daripada luar negara.

"Kita tidak boleh melakukan pembiayaan itu sendiri kerana ia memerlukan wang yang banyak, jadi kita memerlukan lebih banyak pembiayaan asing untuk melakukan ini dengan berjaya.

"Untuk menarik pelabur, kita perlu mempunyai projek peralihan tenaga yang menarik.



AZMAN Nasir (kanan) ketika sidang akhbar Oil and Gas Asia (OGA) 2023, di Kuala Lumpur, semalam.

Projek peralihan tenaga memerlukan infrastruktur yang baik untuk menarik pelaburan.

"Jika tidak, pelabur akan ragu-ragu untuk melabur ke dalam Malaysia kerana mereka

mempunyai banyak pilihan lain di rantau Asia seperti Vietnam atau Thailand," katanya pada sidang akhbar Oil and Gas Asia (OGA) 2023, di sini, semalam.

OGA, acara perdagangan ter-

besar di Asia Tenggara yang ke-19 itu akan diadakan pada 13 hingga 15 September ini untuk memacu pertumbuhan perniagaan dan peluang daripada peralihan tenaga di rantau Asia Pasifik.

Penganjurannya, Informa Markets Malaysia mengumumkan Majlis Industri Tenaga (EIC) turut menyertai acara itu sebagai Rakan Kongsi Persidangan buat kali pertama dan akan memacu agenda tentang bagaimana Asia Pasifik boleh mempercepatkan laluan karbon rendah dan mengeluarkan potensi baharu untuk sektor tenaga di rantau ini.

OGA adalah salah satu pameran perdagangan industri yang paling lama berjalan di Asia, sejak 1985, dan platform seheuti untuk membolehkan peluang perniagaan dan rangkaian mentansi keseluruhan rantaian industri tenaga, dan untuk men-

gukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab minyak dan gas serantau.

Acara selama tiga hari itu dijangka akan menerima 25,000 peserta dari 52 negara dan 2,000 peserta pameran dan jenama di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Pengerusi Bersama Informa Market, Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed berkata, syarikat sektor perkhidmatan serta peralatan minyak dan gas (OGSE) Malaysia juga akan turut serta acara tersebut.

"Sememangnya, ini adalah petanda positif bahawa industri tempatan kembali pulih selepas pandemik Covid-19.

"Syarikat-syarikat ini kini berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menangani cabaran peralihan tenaga dan meneroka peluang pertumbuhan baharu," katanya.